

# Jepun jamin jayakan Dasar Pandang ke Timur

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Jepun memberi jaminan akan memberi segala bantuan yang diperlukan oleh Malaysia untuk memastikan kejayaan Dasar Pandang ke Timur.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau menjelaskan kepada Encik Yasuhiro Nakasone mengenai sumbangan yang boleh diberikan oleh Kerajaan Jepun ke arah pencapaian matlamat dasar itu.

Bercakap kepada pemberita dalam sidang akhbar di Bangunan Parlimen hari ini, Perdana Menteri berkata dasar itu telah mendapat sambutan penuh, bukan sahaja dari Kerajaan Jepun bahkan dari rakyat negara itu.

"Pada pandangan umum, saya rasa setiap rakyat Jepun menyambut baik Dasar Pandang ke Timur ini. Sebaliknya, mereka khuatir tidak dapat memenuhi harapan Malaysia.

"Mereka ingin tahu lebih lanjut apa yang kita mahukan dari mereka dan apa yang mereka boleh lakukan untuk menjayakan dasar ini," tambahnya.

Pandangan dari Kerajaan dan rakyat Jepun ini diperolehi setelah Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan kedudukan dasar itu kepada pengusaha dan peniaga Jepun.

Beliau juga mengadakan pertemuan dengan hampir semua pemimpin Sogoshosa utama Jepun.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kerajaan dan sektor swastanya juga sedia menimbang segala bantuan dan kemudahan, termasuk latihan yang diperlukan oleh Malaysia.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Jepun bersetuju memberi bantuan \$2 juta untuk menubuhkan sebuah makmal Bahasa Jepun di Universiti Malaysia.

Jepun juga bersetuju memberi pinjaman kredit Yen tahunan berjumlah lebih kurang \$210 juta serta kredit Yen khas berjumlah \$500 juta untuk membiayai projek pembangunan.

No. Si

No. Pe